



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

1 DISEMBER 2023 (JUMAAT)

Lelaki Bawa Daging Babi Sejuk Beku Dalam Kereta Dari Singapura Ditahan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
KOSMO	Negara	16	1 Dis



ANGGOTA Maqis menemui daging babi dan daging lembu tanpa dokumen sah yang dirampas dalam sebuah kereta di CIQ BSI, Johor Bahru kelmarin.

Lelaki bawa daging babi sejuk beku dalam kereta dari Singapura ditahan

JOHOR BAHRU – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas daging babi sejuk beku seberat 120 kilogram (kg) dan 10 kg daging lembu bernilai RM2,000 di Kompleks CIQ Bangunan Sultan Iskandar, di sini kelmarin.

Menurut Pengarah Maqis Negeri Johor, Edie Putra Md. Yusof, rampasan dibuat hasil pemeriksaan yang dijalankan ke atas sebuah kereta pendaftaran asing pada pukul 7.30 petang dari Singapura.

Beliau berkata, pemeriksaan

mendapati kotak berisi daging babi dan daging lembu yang cuba dibawa masuk tanpa sebarang dokumen yang sah.

“Hasil pemeriksaan lanjut mendapati daging babi dan lembu tersebut dibawa masuk tanpa permit import Maqis serta sijil kesihatan dan ia telah ditahan untuk tindakan lanjut.

“Perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian tanpa permit import Maqis adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011

[Akta 728] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) Akta yang sama,” katanya ketika dihubungi semalam.

Edie Putra memberitahu, pemandu lelaki berusia 36 tahun yang membawa muatan tersebut dilepaskan setelah diambil keterangan.

Jelasnya, pihak Maqis akan sentiasa memastikan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikro-organisma yang dibawa masuk ke dalam negara adalah bebas daripada ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar.

Pembayaran Tidak Teratur, Tiada Semakan Bekalan Ubat Di JPVM

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Metro	Mutakhir	Online	27 Nov



GAMBAR hiasan. FOTO Arkib NSTP

Melaka: Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) bagi Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Melaka 2022 mendapati Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka (JPVNM) menerima bekalan perubatan vaksin dan program peningkatan genetik tanpa semakan kuantiti, kualiti dan spesifikasi ubat.

Berdasarkan laporan yang dikeluarkan hari ini, semakan Audit mendapati penerimaan bekalan stok ubat-ubatan itu membabitkan 108 jenis stok iaitu RM195,883 bagi Kawalan

Penyakit dan RM5,902 bagi Program Peningkatan Genetik Lembu Pedaging dengan jumlah keseluruhan RM201,785.

"Bayaran bagi keseluruhan bekalan ini telah dibuat antara Julai hingga September 2022 dengan pengesahan penerimaan dibuat oleh Pegawai Penerima berdasarkan kepada Pesanan Kerajaan (Perakuan Mengenai Mutu) yang ditandatangani oleh Penolong Pegawai Veterinar Gred G36 dan G32.

"Semakan Audit juga mendapati terdapat kelemahan dalam perakuan pembayaran bagi bekalan stok ubat di JPVNM berjumlah RM201,785 dengan perakuan pembayaran telah dibuat tanpa semakan kuantiti, kualiti dan spesifikasi ubat," menurut laporan itu.

Laporan itu turut mendedahkan bahawa lawatan ke stor Ibu Pejabat JPVNM pada 23 November 2022 mendapati stok barangan yang diterima antara Julai hingga September 2022 masih berada dalam bungkusan/kotak asal dan tidak diperiksa dari segi kuantiti yang diterima, kerosakan dan tempoh luput.

"Kotak atau bungkusan asal ubat masih belum dibuka sejak diterima oleh jabatan semasa pengauditan dijalankan dan berdasarkan label yang tertera pada bahagian luar kotak, stok yang diterima masih dalam tempoh usia guna dan akan luput antara Julai 2024 hingga September 2025. Bagaimanapun bilangan unit yang diterima tidak dapat disahkan kerana tiada semakan dilakukan jabatan.

"Perkara ini berlaku disebabkan kekangan tugas oleh Pegawai Stok yang pada waktu sama bertanggungjawab sebagai Penolong Pegawai Veterinar jabatan," katanya.

Menurut laporan itu, pembayaran bekalan stok ubat yang dibuat secara tidak teratur boleh memberi kesan serta kerugian kepada jabatan seperti kuantiti stok diterima tidak mencukupi, rosak, luput tarikh atau tidak menepati spesifikasi ditetapkan.

"Untuk itu, Syor Audit adalah memastikan urusan pembayaran diurus dengan teratur, semakan, kiraan terhadap bekalan yang diterima perlulah dilaksanakan sebelum sebarang perakuan penerimaan dibuat oleh Pegawai Penerima," katanya.-METRO

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR